

BAH

Mahathir - Shahbandar Raya
KEMENANGAN CALON BN BUKTI SOKONGAN SEMAKIN BERTAMBAH, KATA PM

LANGKAWI, 29 Mei (Bernama) -- Kemenangan calon Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Shahbandar Raya dalam pilihan raya kecil semalam sebagai bukti bahawa sokongan rakyat terhadap BN semakin bertambah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya percaya bahawa dalam pilihan raya (umum) yang akan datang, apa yang Kit Siang (Setiausaha Agung DAP) kata itu betul-betul, katanya. (Kit Siang ada menyebut yang DAP akan mengalami tekanan teruk dalam pilihan raya umum akan datang).

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN dan Presiden UMNO, berkata, sebab itulah parti-parti lain tidak berani bertanding dalam pilihan raya kecil Shahbandar Raya itu.

"Tetapi mereka ada proksi mereka, hendak uji sama ada air itu sejuk ke panas ke? Jadi, jangan dia sengaja letak calon-calon di tempat yang dia tidak ada kemungkinan menang," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, hari ini sebelum beliau dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan dua hari ke sini.

"Saya ucap tahniahlah kepada para pekerja BN yang telah bekerja kuat dan mendapat hasil yang begitu baik dengan majoriti yang lebih besar," katanya.

-- Lagi.

▼29/05/16-33MST

CNS8609

U GB 29-05 00154 BA985

BAH

Mahathir - Shahbandar Raya 2 Langkawi

"Daripada segi persiapan jentera pilihan raya BN selalu bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa," katanya ketika menjawab satu soalan.

"Sebab itu bila kita ada pilihan raya kecil, orang lain tidak berani. Tetapi kita boleh masuk dan jentera kita berjalan. Jentera kita selalu kita gilap bagi bersedia hendak menghadapi pilihan raya," katanya.

Katanya, persiapan yang serupa juga dibuat untuk Kelantan dan beliau yakin BN tidak akan mengulangi kekalahan besarnya kepada gabungan PAS dan Parti Semangat 46 dalam pilihan raya umum 1990 bahkan yakin ia mempunyai harapan untuk menang.

Beliau berkata, walaupun PAS dan DAP bekerjasama dan tolong menolong tetapi beliau percaya para pengundi tidak lagi percaya kepada parti-parti itu.

Katanya: "Walaupun pemimpin PAS sanggup berkerjasama dengan DAP, anggota-anggota PAS tidak bersetuju, anggota-anggota DAP pun tidak bersetuju, terutama bagi DAP kerana undang-undang hudud PAS." -- Lagi.

▼29/05/16-41MST

CNS8611

U GB 29-05 00068 BA986

BAH

Mahathir - Shahbandar Raya 3 (Akhir) Langkawi

Semasa ditanya mengenai kemungkinan berlakunya perebutan (kerusi) di kalangan parti-parti komponen BN, beliau berkata, itu perkara biasa sahaja yang boleh diselesaikan mengikut budaya BN.

"Apabila kita sudah tentukan calon, walaupun pada mulanya ada rasa tidak senang hati tetapi akhirnya mereka akan merapatkan balik barisan untuk menghadapi lawan," tambahnya. -- Bernama.

KHY KAM.